



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 FEBRUARI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	TINGKAT REZEKI PESAWAH, LOKAL, HM -17 HARGA SILING BERAS: PENGILANG UNTUNG, PESAWAH RUGI, DALAM NEGERI, UM -6 HARGA LANTAI BAHARU BELIAN PADI TINGKAT HASIL PESAWAH, NASIONAL, BH -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	CUACA PANAS: HASIL HARUMANIS DIJANGKA NAIK, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	PERGIAT KERJASAMA MARDI, AREEO, NASIONAL, BH -8	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	BERAS: KERAJAAN AMBIL LANGKAH TERGESA-GESA, DALAM NEGERI, UM -6 HARAP TIADA LAGI ISU KURANG BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -6 KENAIKAN HARGA BERAS TEMPATAN BEBANKAN B40, NASIONAL, BH -5 PERLIS SUDAH 30 HARI TANPA HUJAN, DALAM NEGERI, UM -10 EL NINO JEJAS KUALITI SAYUR, BUNGA DI CAMERON HIGHLANDS, DALAM NEGERI, UM -10 'NEW RICE PLAN STILL NEEDS APPROVAL', NATION, THE STAR -7 STAKEHOLDERS STILL IN THE DARK OVER WHITE RICE PACKAGE, NATION, THE STAR -7 BERAS MADANI AKAN DIJUAL LEBIH RENDAH APRIL INI, NASIONAL, SH -8 MANA HILANGNYA BERAS TEMPATAN?, NASIONAL, SH -8 PERINCI MAKANISME GRED BERAS MADANI, NASIONAL, SH -8 42,000kg BERAS HANCUR DISELUDUP DARI NEGARA JIRAN DIRAMPAS, NASIONAL, SH -8 3 BULAN BERAS TEMPATAN TIADA DI PASARAN, NASIONAL, SH -9 TERPAKSA BURU JUALAN MURAH, NASIONAL, SH -9 BANGUNKAN PENSIJILAN TULEN MAKANAN, NIAGA, KOSMO -37	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



ARTHUR Joseph pada sidang media di Majlis Amanah Tahun Baru 2024 Bersama Agensi KPKM di Sabah.

BELIAN PADI: RM1,300 PER TAN DI SABAH, SARAWAK

Tingkat rezeki pesawah

Oleh Rafiqah Dahali
ang@metro.com.my

Kota Kinabalu

Peningkatan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan di Sabah dan Sarawak yang berkuat kuasa semalam dijangka bakal meningkatkan pendapatan golongan pesawah di dua negeri itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KCM), Datuk A. Ramli berkata, peningkatan tersebut bersempena dengan kerajaan sebahum ini berusaha menyelaraskan harga lantai belian padi di Sabah dan Sarawak.

Belian padi di Sabah dan Sarawak akan dijual kepada agensi selaras dengan harga di Semenanjung Malaysia.

Katanya, berdasarkan urusan Bahagian Pembangunan Pertanian dan Pertanian, harga lantai belian padi baharu akan meningkatkan pendapatan kasar pesawah di negeri Sarawak kepada RM1,668, setinggi-tingginya, dan di Sabah dan Sarawak kepada RM1,057.

"Berdasarkan data Lembaga Peladang (LPP), dianggarkan seramai 17,298 pesawah padi (bukan padi huma) akan menerima manfaat peningkatan pendapatan seiring dengan harga lantai belian padi baharu".

setahun per hektar.

Berdasarkan data Lembaga Peladang (LPP), dianggarkan seramai 17,298 pesawah padi (bukan padi huma) akan menerima manfaat peningkatan pendapatan seiring dengan harga lantai belian padi baharu, katanya selepas Majlis Amanah Tahun Baru 2024 Bersama Agensi KPKM Di Sabah dan Sarawak.

Belian padi itu, belian tular berketat, kerajam Perak dan juga menyedihkan beberapa insentif raper bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi yang ditanggung golongan pesawah.

Antaranya ialah Skim Baja Persekitaran (SBPP), Skim Insentif Pengeburan Padi (SIPP), Skim Subsidi Baja dan Ecaun Padi Riber (SBERP) dan skim subsidi tenaga buruh (SSTB).

Selain itu, katanya, peranan itu hanya membabitkan beras putih saja dan tidak termasuk beras istimewa. Persekitaran raper yang dibelanjakan di Sabah dan Sarawak.

"Berdasarkan data Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), dianggarkan seramai 17,298 pesawah padi (bukan padi huma) akan menerima manfaat peningkatan pendapatan seiring dengan harga lantai belian padi baharu".



PESAWAH kini menghadapi kerugian disebabkan pelbagai faktor seperti perubahan cuaca drastik. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Harga siling beras: Pengilang untung, pesawah rugi

Oleh **AIMAN ALI**
airman.ali@mediamail.com.my

PETALING JAYA: Penetapan harga siling beras putih RM30 sekampit 10 kilogram (kg) bagi menggantikan beras tempatan RM26 bermula Isnin ini hanya menguntungkan pengilang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Nur Fitri Amir berkata, kerajaan sepatutnya mengekalkan harga belian padi dan tidak menurunkan ia pada paras tidak sepatutnya.

Menurutnya, cadangan untuk menurunkan kepada RM1,300 berbanding RM1,600 hanya akan memberi impak negatif kepada golongan bawahan industri, iaitu pesawah yang kini sudah menghadapi kerugian disebabkan pelbagai faktor seperti perubahan cuaca drastik.

"Kenaikan harga beras adalah munasabah tetapi mengapa harga belian padi oleh pengilang pula menjadi RM1,300? Sepa-

lutnya harga belian tersebut dinaikkan kepada RM1,500 sehingga RM1,600 per tan.

"Tidak masuk akal apabila harga beras diselaraskan kepada RM30 tetapi harga belian padi oleh pengilang pula menjadi RM1,300. Ini merupakan ketidakadilan terhadap pesawah," katanya ketika dihubungi.

Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) memperkenalkan beras putih Malaysia Madani yang akan dijual dengan harga RM30 bagi kimpit 10kg bermula 19 Februari ini selaras pemansuhan beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSD).

Kerajaan turut menetapkan harga siling bagi beras putih pada kadar RM30 bagi kimpit 10kg manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg) berkuat kuasa pada tarikh sama.

Nur Fitri menambah, pihaknya mencadangkan harga siling beras putih dinaikkan jualan kepada RM35 agar kedua-dua

pihak terlibat dalam pengeluaran makanan ruji negara itu memperoleh keuntungan dan dapat menampung kos perbelanjaan yang tinggi.

Sementara itu, Exco Tugas-tugas Khas PeSAWAH, Abdul Rashid Yob memberitahu, kenaikan harga siling beras perlu munasabah untuk pesawah dan pengilang menanggung kos perbelanjaan mereka.

"Harga jualan beras RM35 adalah adil kerana pengilang meletakkan harga belian padi RM1,600 ketika ini secara tidak langsung pesawah dan petani mendapat keuntungan," katanya.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain pula berkata, kenaikan harga beras perlu setimpal dengan harga belian padi, iaitu RM1,600 setan.

"Mungkin dengan menaikkan harga kepada RM33 lebih baik supaya kami dapat menanggung kos perbelanjaan setimpal dengan harga belian padi," katanya.

Beras: Kerajaan ambil langkah tergesa-gesa

SEREMBAN: Tindakan kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani bagi menggantikan beras putih tempatan dan import di pasaran dilihat sebagai langkah terburu-buru tanpa mengambil kira situasi dihadapi pihak industri khususnya pengilang kecil beras.

Pengarah MYA Edaran Sdn. Bhd., Airin Yusmira Mohd. Yusof berkata, kerajaan perlu memberikan penjelasan lebih menyeluruh kepada pengilang kecil yang membawa masuk beras putih import dengan kos yang menurutnya tidak dapat dijual pada harga RM30 sekampit seperti ditetapkan.

"Seperti kami yang membawa masuk beras import ini, selepas mengambil kira pelbagai aspek termasuk pengangkutan, kos sudah menjadi RM32 sehingga RM35 sekampit, bagaimana kami dapat menjual pada harga RM30? Ada kos import yang kami tanggung.

"Saya lihat kerajaan seperti terburu-buru, jika isunya adalah berkenaan kekurangan beras tempatan yang berlaku ketika ini, jadi selesaikan isu tersebut. Jangan diganggu beras import yang mempunyai

pasarannya sendiri," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Semalam media melaporkan, menerusi pengenalan mekanisme baharu beras putih Malaysia Madani bermula Isnin ini, kategori beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSD) dimansuhkan melainkan beras putih Malaysia Madani sebagai kategori beras tunggal.

Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL), Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, serentak itu kerajaan menetapkan harga siling beras putih pada harga RM30 bagi kimpit 10 kilogram (kg) manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg).

Airin Yusmira memberitahu, pihaknya juga kecewa kerana tiada sebarang perbincangan diadakan kerajaan bersama pihak industri terutama pengilang kecil mengenai mekanisme baharu ini.

"Kami hanya terima maklumat menerusi laporan berita sahaja, kenapa tidak berbincang dahulu dengan kami daripada buat tindakan tergesa-gesa ini?" soalnya.



BERAS putih tempatan dan import tunggal dikenali sebagai beras putih Malaysia Madani diperkenalkan di pasaran bermula Isnin ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Harap tiada lagi isu kurang bekalan beras putih tempatan

KUALA TERENGGANU: Langkah kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani diharapkan dilaksanakan dalam tempoh lama bagi membantu meringankan kos sara hidup

rakyat. Dalam masa sama, kerajaan diminta memberikan lebih banyak subsidi untuk beras putih Malaysia Madani itu memandangkan ia adalah makanan

ruji rakyat di negara ini. Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Arifin Deraman berkata, paling

diharapkan ialah langkah ini dapat menyelesaikan masalah kekurangan beras putih tempatan.

"Ini disebabkan langkah tidak bertanggungjawab sesetengah

pengeluar yang mencampurkan beras putih dengan beras import dengan tujuan menjualnya pada harga lebih tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

16/2/2024

BERITA HARIAN

NASIONAL

5

Kenaikan harga beras tempatan bebankan B40

Kerajaan perlu cari mekanisme bantu golongan pendapatan rendah terkesan

Oleh Noorzura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kerajaan disaran mencari mekanisme terbaik untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang dikhuatiri terjejas dengan kenaikan harga beras tempatan yang akan diselenggarakan pada harga RM30 bagi setiap 10 kilogram bermula Isnin depan.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAPE), Mohd Yusrizal Yusoff, berkata ini bertukar

Kerajaan perkenal Beras Putih Malaysia MADANI



Keratan akhbar BH, semalam.

kenaikan harga siliang itu agak mahal, sekali gus membebankan pengguna, khususnya golongan B40.

"Kenaikan RM30 ini bagi 10 kilogram atau RM15.50 bagi bebarata lima kilogram agak mahal. Pendapatan isi rumah masing-masing dan juga gaji minimum kita tidak meningkat, malah kita masih lagi terkesan dengan COVID-19, jadi kenaikan harga beras tempatan amat menekan pengguna.


"Kita nak tengok juga mekanisme apa yang kerajaan akan

lakukan untuk membantu pengguna ekoran kenaikan harga makanan ruji rakyat ini. Jadi kita harap ada juga cadangan untuk kita tingkatkan pendapatan rakyat, tingkatkan gaji minimum," katanya selepas melakan tinjauan di Pasar Besar Alor Setar di sini, semalam.

Tetapan grad beras

Kelmarin, media melaporkan Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NAACOL) mengemukakan kaitegori tunggal bagi beras putih iaitu Beras Putih Malaysia MADANI bagi menggantikan beras putih tempatan dan import di pasaran.

Serentak itu, harga siliang tunggal beras ditetapkan pada RM30 bagi setiap 10 kilogram RM15.50 (5 kilogram) dan RM3.50 (sekilogram) berkuat kuasa Isnin depan.



Mohd Yusrizal ketika melakukan tinjauan di Pasar Besar Alor Setar semalam. (Foto: Noorzura Abdul Rahman/BH)

beras ini diasingkan dan dijual tidak mengikut grad. Kita risau kualiti beras yang akan pengguna dapat nanti tidak setimpal harga," katanya.

Beliau turut menyentuh mengenai peruntukan dalam Akta Kawalan Padi dan Beras 1944 yang sebelum ini diguna pakai untuk mengawal harga maksimum beras tempatan.

"Jadi kita tertanya-tanya adakah akta ini diguna pakai, sebab dulu akta ini diguna untuk kawal harga beras. Mekanisme kenalkan ini pun kalau kita nampak banyak kelompangan di sana sini," katanya.

Harga lantai baharu belian padi tingkat hasil pesawah

Kota Kinabalu: Penetapan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa semalam dijangka mampu membantu dalam meningkatkan pendapatan pesawah di dua negeri terbahit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph belum ini bersedia menyelaraskan harga lantai belian padi di Sabah dan Sarawak daripada

RM900 kepada RM1,300 seperti harga di Semenanjung.

Mengambil contoh di Sabah, katanya, berdasarkan unjuran Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM, penetapan harga lantai belian padi baharu akan meningkatkan pendapatan kasar pesawah di negeri itu kepada 50 peratus serantau daripada RM6,681 setahun per hektar kepada RM10,375 setahun per hektar.

"Berdasarkan data Lembaga

Pertubuhan Peladang (LPP), dianggarkan 17,298 pesawah padi (bukan padi nume) akan menerima manfaat peningkatan pendapatan seiring harga lantai belian padi baharu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Ainanah Tahun Baharu 2024 Bersama Agensi KPKM Di Sabah bertempai di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata Kerajaan Persekutuan juga menyedai beberapa insentif

input bagi membantu mengurangkan kos pengeluaran padi yang ditanggung pesawah.

Antaraya Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Subsidi Baja dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Beliau juga memaklumkan, pesawah juga lantai belian padi hanya membabitkan beras putih dan tidak termasuk beras istimewa atau tradisional yang dikelu-

arkan di Sabah dan Sarawak.

Mengulas kejayaan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menghasilkan tiga varieti Beras Merah Merti iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 tahun lalu yang kini dilaksanakan di Perak, katanya pihaknya akan menjejajah seluruh negara bagi mengenal pasti tanah sesuai untuk penghasilan bawang merah terbahit selepas mempunyai bekalan mencukupi.

Empangan Timah Tasoh susut, pertanian terjejas, risiko kebakaran

Perlis sudah 30 hari tanpa hujan

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

KANGAR: Fenomena El Nino yang melanda menyaksikan Perlis sudah merekodkan 30 hari tanpa hujan dengan suhu melebihi 36 darjah Celsius.

Situasi tersebut turut menyaksikan paras air di Empangan Timah Tasoh menyusut sekitar 0.02 meter sehari dan dijangka mampu bertahan sekitar tiga bulan sahaja jika cuaca panas berterusan.

Pada masa ini, bacaan paras air di empangan yang menjadi sumber bekalan air domestik, pertanian dan kawalan banjir itu menunjukkan penurunan mencapai tahap 28.57 meter meliputi jumlah 25.5 juta meter padu.

Kadar tersebut adalah berkurangan berbanding paras air normal di empangan tersebut yang sepatutnya sekitar 29.1 meter.

Selain itu, cuaca panas berke-



CUACA panas melampau khususnya di Chuping semalam yang merupakan antara titik panas di Perlis berisiko terdedah dengan kebakaran. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

naan juga menjejaskan industri padi di negeri ini dengan hasil dijangka merosot sehingga 50 peratus daripada lima tan metrik perhektar kepada sekitar dua ke tiga tan metrik sahaja. Setakat ini,

kira-kira 90 peratus pesawah di Perlis masih belum menuai hasil.

Cuaca panas melampau itu juga menyebabkan terdapat kawasan sawah padi di negeri ini mula merekah dan kering kontang.

Antaranya di kawasan sawah padi di Kok Klang, Chuping di sini yang merupakan antara titik panas di negeri ini menyaksikan terdapat sawah yang merekah dan tanah kering kontang.

Sebagai rekod, pada 9 April 1998, Chuping telah merekodkan suhu tertinggi dan terpanas di Malaysia iaitu 40.1 darjah Celsius.

Di hutan-hutan pula, pemandangan pada musim kemarau ini juga menyaksikan pokok-pokok terdiri dari kaum bukan damar bertukar warna keperangan, merah dan kuning.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengasas Perlis Nature Explorer (PNX), Syamil Abd. Rahman berkata, monsun timur laut yang melanda Perlis sedang berada pada kemuncaknya dengan bacaan suhu tertinggi 36.9 darjah Celsius direkodkan pada 8 Februari lalu di Chuping menjadikan ia rekod suhu tertinggi di Malaysia setakat ini bagi tahun ini.

Katanya, pada masa ini, mukim Chuping masih memegang rekod sebagai titik terpanas Semenanjung Malaysia dengan bacaan suhu 40.1 darjah Celsius pada 9 April 1998.

Cuaca panas: Hasil harumanis dijangka naik

KANGAR: Ketika tanaman lain berdepan masalah berikutan musim panas, berbeza dengan harumanis yang hasilnya dijangka meningkat musim ini berikutan cuaca panas berterusan di Perlis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad berkata, musim ini, pengeluaran harumanis dijangka mencecah sehingga 1,200 tan metrik berbanding tahun lalu, 1,189 tan metrik.

Katanya, berdasarkan prestasi semasa, 60 peratus pokok memulam harumanis sekitar negeri ini telah berbunga dan bakal keluaran hasil pertengahan April ini.

"Kemungkinan akan ada juga sedikit lagi pertambahan hasil direkodkan selepas ini berikutan

masih terdapat pokok-pokok yang diusahakan kelihatan berpotensi untuk berbunga," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengulas lanjut, Razali berkata, pihaknya menjangkakan harga buah memulam harumanis pada musim ini sekitar RM35 sekilogram bagi gred A.

Ujarnya, kerajaan negeri juga mengharapkan pengusaha agar tidak mengambil kesempatan dengan memasarkan buah berkenaan pada harga tinggi bagi meraih keuntungan mudah.

"Saya telah arahkan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turun padang memantau harga buah memulam," katanya.



KEBANYAKAN pokok memulam harumanis sekitar Perlis mula berbunga dan dijangka mengeluarkan hasil bermula pertengahan April ini. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD.

El Nino jejas kualiti sayur, bunga di Cameron Highlands

CAMERON HIGHLANDS: Pekebun sayur dan bunga di Cameron Highlands menjangka dua tanaman itu akan terkesan dengan fenomena El Nino yang ditamal berterusan sehingga Mei ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Pengerusi Persatuan Penanam Bunga Cameron Highlands, Wong Seng Wee berkata, dua tanaman itu mungkin terkesan jika kekurangan air berpanjangan disebabkan fenomena tersebut.

Menurutnya, bagi pekebun di sini, kesan fenomena El Nino sudah mulai dirasai apabila perubahan cuaca dan suhu yang drastik sejak kebelakangan ini di kawasan tanah tinggi itu.

Katanya, cuaca berubah begitu drastik apabila suhu pada siang hari sangat panas sehingga 27 atau 28 darjah Celsius manakala pada sebelah malam turun sehingga 16 atau 17 darjah Celsius.

"Suhu yang jatuh sehingga 16 atau 17 darjah Celsius pada waktu malam menyebabkan kelembapan agak tinggi.

"Walaupun kelembapan baik untuk tanaman tetapi kelembapan yang terlalu tinggi akan mendedahkan tanaman kepada penyakit dan serangan serangga, bermakna tumbesa-



FENOMENA El Nino dikhuatiri menjejaskan kualiti sayur dan bunga yang ditanam di Cameron Highlands.

ran pokok akan terganggu.

"Saya menjangkakan kesan daripada fenomena El Nino tidak akan menjejaskan kuantiti pengeluaran sayur dan bunga di sini cuma kualiti tanaman agak terjejas disebabkan serangan penyakit dan serangga," katanya.

Menurutnya, cuaca panas pada sebelah siang tidak begitu menjejaskan tanaman kerana kelembapan tanaman boleh

dikekalkan dengan menyiram pokok lebih kerap.

Katanya, apa yang menjadi cabaran ialah jika berlaku kekurangan air untuk tanaman semasa fenomena El Nino nanti.

"Kekurangan air untuk menyiram atau menyejukkan tanaman menjadi antara cabaran kepada pekebun di sini semasa El Nino, apatah lagi jika ia berpanjangan," jelasnya.

Pergiat kerjasama MARDI, AREEO

Kuala Lumpur: Kerjasama dalam bidang penyelidikan antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Pertubuhan Penyelidikan, Pendidikan dan Pengembangan Pertanian (AREEO) yang berpangkalan di Tehran, Iran perlu dipergiat untuk manfaat kedua-dua negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata perkara itu antara yang dibincangkan bersama Menteri Pertanian Republik Islam Iran Mohammad Ali Nikbakht di Kementerian Pertanian Iran, Tehran, semalam.

"Kerjasama ini selari dengan teras strategik kelima PINTAR iaitu strategi kolaborasi. Di bawah teras strategik ini juga saya turut menekankan soal 'food diplomacy' dan untuk itu saya hadiahkan buah-buahan tempatan Malaysia kepada rakan sejawat saya hari ini (semalam)," katanya di Facebook, semalam.



Mohamad Sabu ketika mengadakan perbincangan bersama Mohammad Ali di Kementerian Pertanian Iran, Tehran, semalam. (Foto FB Mohamad Sabu)

Pada masa sama, Mohamad berkata, perbincangan itu disifatkan amat berjaya apabila hasrat dan kepentingan Malaysia untuk mengembangkan pengetahuan dalam bidang penyelidikan pertanian disambut baik rakan sejawatannya itu.

Beliau berkata, antara perkara yang dibincangkan itu berkaitan

perkongsian teknologi dan genetik padi, baka ayam Artian, kerjasama penyelidikan buah-buahan tropika dan penyelidikan perikanan.

BERNAMA

'New rice plan still needs approval'

Cabinet must greenlight Malaysia Madani white rice, says ministry sec-gen

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

PETALING JAYA: The new Malaysia Madani white rice package as announced by the National Action Council for Cost of Living (Naccol) will need prior Cabinet approval, says the ministry involved.

Agriculture and Food Security Ministry secretary-general, Datuk Lokman Hakim Ali said the price of local white rice, as a controlled food item, must be approved by the Cabinet before any decision can be announced.

He said that as of now, it remains a private initiative from the chairman of Naccol's task force (food cluster) Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal, which he said has not gone through "due process".

"There has been no discussion or approval from the ministry with regard to this. As far as the ministry is concerned, this is a

private initiative by Syed Abu Hussin as the task force chairman, in trying to lower prices.

"However, to implement it nationwide, it will need clearance from Naccol and then the Cabinet," said Lokman, adding that announcements such as these need prior engagement with stakeholders and the authority concerned.

Lokman was responding to the announcement by Syed Abu Hussin on Wednesday that the government will introduce Malaysia Madani white rice priced at RM30 for a 10kg sack on Feb 19, which is expected to be available in the market from March 1.

Syed Abu Hussin, who is the Bukit Gantang MP, was reported to have said that there will no longer be categories of local white rice (SST) and imported white rice (SSJ), making the Malaysia Madani white rice the sole category.

He said that between Feb 19 and March 1, rice industry players can make adjustments and sell rice in the old packaging until all wholesalers' stocks are sold out.

The new packaging of all white rice after that must carry the "Beras Putih Malaysia Madani" sticker, he added.

Lokman said there has been no talk of amending the existing Padi and Rice Act 1994, which makes it illegal for retailers to sell mixed local and imported white rice or change the labelling of local white rice without prior approval from the relevant ministries.

When contacted, Syed Abu Hussin said it is his duty as Naccol task force (food cluster) chairman to ensure the supply of white rice in the market "even if it does not follow due procedure".

"White rice is being sold at RM50 to RM70 per 10kg sack and after engaging with the three biggest padi producers, they decided

that RM30 per 10kg sack is the most appropriate price for white rice.

"Currently, the price of local white rice is RM26 per 10kg sack. People are anxious about the shortage of local white rice in the market.

"There is no need to wait for procedures and as there is a need to introduce this, I made the announcement," said Syed Abu Hussin, adding that he had informed Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim of the matter.

Asked if the Malaysia Madani white rice would be local white rice or mixed with imported white rice, he said this is up to the wholesalers and retailers as long as the price of a 10kg sack is RM30.

Although mixing the two types of rice into one sack is illegal under the law, he said amendments should be made to enable this.

"I am not saying that they

should mix imported and local white rice. It is up to them. If that goes against the Act and there is a need to amend the Act, then we should do it," he added.

Syed Abu Hussin said the setting of the ceiling price for the Malaysia Madani white rice serves as a mechanism to stop manipulation by some rice manufacturers mixing local white rice with imported white rice and selling it as expensive rice brands to reap greater profits.

"It stems from the absence of price controls for imported white rice, causing the prices to remain high, coupled with the rise in global rice prices.

"This has resulted in local white rice labels being changed to imported white rice, making it difficult to find in the market," he added.

The retail price for local white rice is RM2.50 per kg as stipulated under the Control of Padi and Rice Act 1994 (Act 522).

Stakeholders still in the dark over white rice package

PETALING JAYA: Retailers and consumer groups say they are in the dark over the Malaysia Madani white rice initiative and called on the government to explain if it is feasible to proceed.

Some said that with Ramadan and Hari Raya around the corner, the issue needs to be resolved urgently as white rice consumption would be at its peak then.

Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said that while he welcomed the initiative to ensure the availability of white rice in the market, there should be more clarification to wholesalers and retailers.

Saying he was not engaged and does not know what the Malaysia Madani white rice package is all about, he urged the National

Action Council for Cost of Living (Naccol) and the government to explain its implementation.

He also questioned the rather short notice of less than two weeks for the implementation of the initiative to sell a 10kg sack of white rice at RM30 from March 1.

"Padiberas Nasional Bhd (Bernas) sells imported white rice at RM32 per 50kg and repacking costs RM2.50 to RM3, and transport RM1.50, only if Bernas can reduce the price can we sell white rice at RM30 per 10kg sack," he added.

He also said he wants to know if the Naccol task force (food cluster) chairman, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal made the announcement on the initiative for the government or if it was in his personal capacity.

"Protocol dictates that such an important announcement be made by the Prime Minister or the ministers in charge," said Ameer Ali, who claimed that retailers and wholesalers were not consulted on the matter.

He also said if the price of white rice is indeed increased from RM26 to RM30 per 10kg sack, consumers would feel the pinch even with increased availability.

"Where is this RM30 per 10kg white rice going to come from? If they mix imported and local rice, it is illegal. This initiative raises more questions than answers to wholesalers, retailers and consumers.

"If done at such short notice, there may be massive shortages when implemented. With Ramadan approaching, it is wor-

rying," he added.

Consumer Group Sustainable Development Network Malaysia chairman Muthammad Shafiqi Abdullah said while it is good to go away with two categories of white rice, the shortage of 60% of local white rice in the market has not been addressed.

"Firstly, tell us what price mechanism is used to determine that a 10kg sack of white rice is priced at RM30?"

"Physically, no one can distinguish if the white rice is local or imported. It makes no sense to have two labels. If the government can indeed enforce the pricing for all white rice as one, it will be good for consumers.

"However, the more pertinent question is how come we are told that 60% of local white rice is in

the market but we cannot find local white rice at RM26 per 10kg sack? For now, we only find the RM40 per 10kg sack of white rice in the market," he added.

Malaysian Muslim Consumers Association of Malaysia chief activist Daruk Nadzlim Johan said his group is completely in the dark as to what the Malaysia Madani white rice initiative is about.

"There have been many complaints on the shortage of white rice but if we are to fend for ourselves, then we have to be prepared so as to be able to go into survival mode, especially with the fasting month approaching," he said.

Bernas, when contacted, said that it will reserve comment for the time being.

Negara pengeluar beras dijangka tidak lagi mengenakan sekatan sepenuhnya terhadap pengimportan beras putih

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**



Laporan Sinar Harian pada Khamis.

Beras Madani akan dijual lebih rendah April ini

Harga beras putih tunggal yang akan menggantikan kategori beras putih tempatan dan import, Beras Putih Malaysia Madani berkemungkinan akan dijual lebih rendah pada April depan.

Pengerusi Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, ia berikutan negara pengeluar beras dijangka tidak lagi mengenakan sekatan sepenuhnya terhadap pengimportan beras putih.

"Mereka (pengeluar beras) akan bernenarkan pekeksportan beras putih," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis. Ujar beliau, NACCOL sedia mencari jalan sekiranya harga beras import meningkat pada masa akan datang. "Kita akan fikirkan lagi (jalan pe-

nyelesaian)," jelasnya.

Menurut Syed Abu Hussin, Beras Putih Malaysia Madani yang dijual pada harga RM30 bagi setiap 10 kilogram (kg) mulai 1 Mac depan merupakan salah satu usaha kerajaan mengurangkan kos sara hidup yang dihadapi rakyat.

"Sekarang ini harga beras import pun sudah meningkat, jadi ini adalah formula kita," jelas beliau.

Pada Julai tahun lalu, India dilaporkan melarang eksport beras putih bukan basmati untuk mengekang kenaikan harga beras dalam pasaran domestik.

Negara itu merupakan pekeksport beras terbesar dan menyumbang lebih 40 peratus bekalan beras global.

Beras bukan basmati kerap dieksport ke negara-negara rantau Asia dan Afrika.



SYED ABU HUSSIN

Mengulas mengenai jaminan kualiti beras putih tunggal itu, beliau berkata, ia di bawah tanggungjawab pihak Kawalselia Padi dan Beras.

"Beras Putih Malaysia Madani ini merupakan beras sedia ada di pasaran yang telah dijamin kualiti," katanya.

Syed Abu Hussin pada Rabu mengumumkan Beras Putih Malaysia Madani bagi menggantikan kategori beras putih tempatan dan import di pasaran negara ini.

Turut diumumkan, penetapan harga siling baru untuk Beras Putih Malaysia Madani yang bermula Isnin depan melibatkan lima kilogram pada harga RM15.50 dan satu kilogram RM3.50 selain beras 10kg RM30.

Mana hilangnya beras tempatan?

HULU TERENGGANU - Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid mempersoalkan ke mana hilangnya beras tempatan dalam pasaran susulan kesukaran mendapatkan bekalan makanan ruji rakyat Malaysia itu buat masa ini.

Bekas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu dengan nada sinis mendakwa sama ada bekalan beras tempatan tersebut hanya dikhususkan bagi jualan Rahmah diadakan di negara ini.

"Jadi di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), ke mana perginya beras-beras tempatan ini? Kebanyakan yang dijual di pasar raya 100 peratus merupakan beras import.

"Padahal kita tahu negara ini mempunyai kawasan penanaman padi seperti di Sekinchan, Selangor dan Kedah namun ke mana hilangnya beras tempatan.

"Saya difahamkan adakah semua itu tertumpu pada jualan Rahmah sahaja? Jualan Rahmah pun tidak meliputi di seluruh negara. Jadi kita minta kementerian dan pihak terlibat selesaikan masalah ini segera," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan beras di salah sebuah pasar raya di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Rosol turut mendakwa terdapat berlaku sindiket beras tempatan yang telah dibungkus semula menjadi beras import juga antara punca kekurangan bekalan beras tempatan dalam pasaran.

Justeru, Rosol menggesa supaya kerajaan terutama Kawalselia Padi dan Beras mengambil tindakan secara serius dan sewajarnya terhadap permasalahan dihadapi rakyat ketika ini.

"Ini memang satu keadaan yang cukup tertekan terutama pada golongan B40 dan bekerja sendiri lebih-lebih lagi menghadapi bulan Ramadan dan perayaan nanti.

"Ia tak termasuk lagi isu bawang, gula dan minyak masak di mana semua barang ini merupakan keperluan asas yang terpaksa dibeli oleh semua rakyat.

"Jadi kita minta kerajaan supaya selesaikan masalah tersebut dan lakukan tindakan sewajarnya bagi ringankan beban kos sara hidup rakyat," ulasnya.



RO SOL

Perinci mekanisme gred Beras Madani

ALOR SETAR - Kerajaan diminta memperincikan mekanisme pelaksanaan Beras Putih Malaysia Madani bagi menggantikan kategori beras putih tempatan dan import dalam pasaran.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, ini kerana gred bagi beras tempatan dan import berbeza dan kualitinya juga tidak sama.

Menurutnya, sekiranya kesemua gred disatukan dan dikategorikan sebagai beras tunggal, apakah kerajaan memberi jaminan beras ditawarkan berkualiti dan bukannya beras hancur.

"Sekarang dimaklumkan terlalu umum, mekanisme tak dimaklumkan. Rakyat sekarang bijak dan mahu tahu gred beras yang ditawarkan sebab gred beras tempatan dan import berbeza.

"Sekiranya dicampurkan gred, pengguna tidak



YUSRIZAL

ada hak untuk memilih dan terpaksa menggunakan beras yang itu sahaja," katanya dalam sidang akhbar selepas meninjau jualan beras di kedai runcit Pasar Besar Alor Setar di sini pada Khamis.

Yusrizal berkata, ia menimbulkan persoalan dalam kalangan pengguna dan peniaga yang bimbang kualiti beras semakin merosot sekiranya tiada lagi pilihan gred ditawarkan.

"Harus diingat gred beras tempatan dan beras import tidak sama. Ada beras import ditawarkan harga lebih rendah tetapi mungkin gred lebih rendah daripada beras tempatan.

"Jika hanya ada Beras Malaysia Madani, adakah kedua-dua kategori beras ini dicampur atau dasingkan atau dijual tidak ikut gred. Ia menimbulkan kerisauan berhubung kualiti beras kerana ada beras import kualiti kurang elok atau beras hampas," ujarnya.

42,000kg beras hancur diseludup dari negara jiran dirampas

ALOR SETAR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan kegiatan sindiket dalam aktiviti penyeludupan beras hancur seberat 42,000 kilogram (kg) dari negara jiran di Pokok Sena pada 6 Februari lepas.

Pengarah JKDM Kedah, Nor Izzah Abd Latiff berkata, sepasukan anggota dari Cawangan Penguatkuasaan Alor Setar menerima maklumat daripada orang awam dan berjaya mengesan serta mengekori

sebuah treler dengan nombor pendaftaran tempatan untuk menyeludup beras ke Malaysia.

"Trelor berkenaan memasuki negara dari Thailand melalui pintu masuk Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Durian Burung pada 6 Februari dan mengikrarkan sebagai tidak bermuatan," katanya dalam kenyataan di sini pada Khamis.

Katanya, anggota penguat kuasa telah mengekori treler berkenaan sebelum menahan

kenderaan itu di tepi jalan di Pokok Sena manakala pemandunya melarikan diri dan gagal diberkas.

"Hasil pemeriksaan... di-temukan sejumlah 840 beg guni berisi beras hancur seberat 42,000 kg. Anggaran nilai rampasan berjumlah RM105,000," katanya menambah beras hancur tersebut dipercayai untuk dicampur dengan beras tempatan atau beras yang diimport bagi mengaut keuntungan lebih. - Bernama

3 bulan beras tempatan tiada di pasaran

Pelanggan terpaksa beli beras import dengan harga lebih mahal

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Beberapa jenama beras putih tempatan (SST) sudah tiga bulan tidak memasuki premis pasar raya sehinggakan pelanggan terpaksa membeli beras putih import (SSI) dengan harga lebih mahal.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pasar raya terkemuka di Lembah Klang mendapati hanya kategori import mudah didapati dan dijual dengan harga sekitar RM20 bagi 5 kilogram (kg) serta RM71 untuk 10kg.

Antara jenama beras putih super import yang masih dijual adalah Birds of Paradise, Jasmine Super 5 Special, Sakura, Hayati, Merbok serta Nagasari.

Menurut eksekutif kanan pengurusan sumber manusia, Siti Sarah Abdul Rahim, 37, jenama beras putih tempatan yang sering dibelinya amat sukar didapati di pasaran sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

"Saya malas nak pusing-pusing jadi saya beli saja beras import walaupun tak biasa dengan jenama ini.

"Jenama beras putih tempatan yang kami sekeluarga makan memang tak semua tempat ada," katanya ketika ditemui pemberita di salah sebuah pasar raya di sini

pada Khamis.

Ditanya mengenai inisiatif kerajaan untuk memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani, Siti Sarah mengakui harga yang ditawarkan agak berbaloi, murah dan mencukupi untuk keperluan seisi keluarga.

"Kita boleh cuba, tapi kena tengok dulu kualiti makanan ruji ini sama ada kena atau tak dengan selera pembeli," ujarnya.

Pengusaha restoran, Mohd Haris Syafiq Hussin, 24, pula berkata, dia terpaksa datang dari Denai Alam semata-mata untuk mencari beras putih import yang lebih murah di beberapa pasar raya sekitar Shah Alam berikutan tiada beras putih tempatan.

Jelasnya, meskipun tidak terlalu menggemari beras putih tempatan dan lebih menyukai beras import wangi bagi memenuhi permintaan pelanggan, dia tetap mahu melihat keberkesanan kualiti Beras Putih Malaysia Madani yang akan diperkenalkan nanti.

"Memang sangat berbaloi untuk peniaga macam saya, apabila dah umum harga murah mungkin saya boleh cuba tapi kena lihat juga kualitinya.

"Rasa bersyukur juga lah sebab dah turun harga, namun kualiti tetap kena bagus," katanya lagi.

Perunding hartanah, Letchumanan Perumal, 39, juga bersetuju dengan langkah yang bakal dikuatkuasakan oleh kerajaan bermula 1 Mac akan datang.

Ujarnya, dia kini menggunakan satu jenama beras putih import sahaja kerana sudah serasi biarpun harga meningkat



Beras tempatan sudah tidak memasuki pasaran sejak tiga bulan lalu.

saban tahun.

"Enam ahli keluarga saya dah serasi dengan beras itu sebab tak sakit badan, mahu tak mahu kena beli juga tapi kalau kerajaan perkenalkan harga siling beras RM30 untuk 10kg, memang membantu golongan B40 macam kami dan seluruh rakyat Malaysia," ulas Letchumanan.

Sementara itu, Nur Fatehah Mazlan, 40, berkata, beberapa jenama terkenal beras putih tempatan jarang kelihatan di pasaran melainkan kategori istimewa seperti basmati.

"Sudah tiga bulan beras putih tempatan tak nampak masuk pasaran, sekarang banyak yang import sahaja.

"Tetapi pelanggan tetap beli



SITI SARAH



MOHD HARIS



LETCHUMANAN

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (Nacco) mengumumkan kategori tunggal bagi beras putih dikenali sebagai Beras Putih Malaysia Madani yang dijual pada harga RM30 untuk 10kg.

Pengerusinya, Syed Abu Hussin

Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, ia bakal berkuat kuasa 19 Februari dan pengguna boleh mendapatkan Beras Putih Malaysia Madani di pasaran mulai 1 Mac ini.

Menurut Syed Abu Hussin Hafiz yang juga ahli Parlimen Bukit Gantang, harga beras putih kampil 5kg dijual pada harga RM15.50 dan 1kg RM3.50.

Dengan pengumuman nama baharu tersebut, maka kategori SSI dan SSI dimansuhkan.

beras putih import kerana tiada pilihan, rasanya sama cuma harga berbeza," katanya pada Khamis.

Difahamkan, pengguna hanya dibenarkan untuk membeli empat kampil beras tempatan atau import bagi kategori 5kg dan dua kampil untuk 10kg dalam satu masa sepertimana ditetapkan pihak pengurusan pasar raya.

Pada Rabu, Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas

Terpaksa buru jualan murah



Nuzul Akmal Wati terpaksa membeli beras import susulan tiada beras tempatan.

HULU TERENGGANU - Kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan menyebabkan pengguna di daerah ini tiada pilihan dan perlu memburu jualan murah diadakan bagi mendapatkan makanan ruji tersebut.

Rata-rata orang ramai yang ditemui mendakwa mereka sukar mendapat bekalan beras tempatan dan terpaksa beralih arah membeli beras import yang dijual pada harga lebih mahal.

Tinjauan di sebuah pasar raya di sekitar daerah ini mendapati kebanyakan beras dijual adalah beras import yang dijual antara RM40 hingga RM60 bagi 10 kilogram (kg).

Peniaga, Siti Hajar Mohamad, 56, berkata, kesukaran mendapatkan bekalan tersebut menyebabkan dia terpaksa memburu jualan murah di mana-mana pasar raya atau karnival jualan diadakan di negeri ini.

"Nak dapat beras tempatan me-

manang susah sekarang ini. Kalau beli beras import pula mahal-mahal belaka.

"Jadi saya akan cari karnival jualan murah atau mana-mana pasar raya di negeri ini yang jual beras pada harga murah.

"Ada sahaja jualan murah atau harga promosi memang saya akan pergi beli. Ikutkan nak beli beras tempatan tetapi sebab payah nak dapat sekarang ini maka tiada pilihan kena juga beli beras import," katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, Siti Hajar berkata, dia yang menjalankan perniagaan nasi berlauk terpaksa menaikkan harga makanan namun dengan kadar minimum supaya tidak membebakan pelanggan.

"Kesukaran dapatkan beras tempatan menyebabkan kos meningkat. Jadi kita terpaksa naikkan harga makanan 50 sen.

Sementara itu, suri rumah, Nuzul Akmal Wati Abdullah, 38, berkata, harga beras import yang meningkat menyebabkan tekanan kepada golongan berpendapatan rendah yang mempunyai tanggungan ahli keluarga ramai.

"Rasa terbeban sebab kita duduk kampung... suami pula kerja kampung dan tak kerja tetap.

"Jadi kita rasa susah sebab harga barang sekarang mahal. Apabila barang semua mahal maka nak makan dan belanja tu kena berjimat," jelasnya.

Berkongsi pandangan sama, Zainab Abdullah, 54, risau dengan bekalan beras tempatan yang sukar diperolehi terutama menjelang Ramadan yang bakal tiba tidak lama lagi.

"Bila harga barang naik memang kita nak cari beras tempatan tapi susah nak dapat... nak dekat puasa dan sambutan raya nanti lagi banyak beras nak guna," ujarnya.

Bangunkan pensijilan tulen makanan

SUBANG – Koperasi Pertanian St. Thomas Kuantan Berhad (Kopertani) sedang membangunkan pensijilan bagi menjamin ketulenan makanan dalam menangani isu penipuan barangan makanan bermilai tinggi, seperti yang berlaku dalam industri madu ketika ini.

Kopertani telah menandatangani Perjanjian Kerahsiaan Bagi Kerjasama Kajian Kebolehkesanan Menggunakan Teknologi Isotop Stabil bersama Agensi Nuklear Malaysia pada Disember lalu.

Ia melibatkan *fingerprinting* isotop stabil yang terbukti berkesan dalam membezakan makanan daripada asalan geografi berbeza serta mengesahkan ketulenan makanan.

Ia seterusnya membawa kepada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kopertani bersama Koperasi Anak Muda TLEN Berhad, Koperasi Agro Ventures Johor Berhad dan Delima Emas Sdn. Bhd. di sini kelmarin.

Kerjasama tersebut adalah untuk membuat kajian ketulenan dan kebolehlaksanaan menggunakan teknologi isotop stabil. Pengerusi Kopertani, Dr. Redzuan Ibrahim berkata, ketika teknologi Agensi Nuklear Malaysia terbukti berkesan dalam memastikan ketulenan makanan di makmal, pihaknya perlu melak-



REDZUAN (depan, kiri) pada majlis pemeteraian MoU dengan tiga buah syarikat di Subang kelmarin. — SHIDDIQIEN ZON

sanakan kajian di lapangan melibatkan saiz sampel yang lebih besar bagi memastikan ia benar-benar berkesan serta berdaya maju.

Jelasnya, ketiga-tiga pihak kerjasama terlibat dalam pengeluaran ayam kampung, susu lembu dan ayam organik, yang boleh dikategorikan dalam makanan bermilai tinggi.

"Keupayaan menentukan kebolehsanan makanan adalah penting bagi menjamin produk makanan dikeluarkan adalah berkualiti, selamat dan tulen.

"Selain itu, kepastian sebegini membolehkan pengeluaran mendapat pengiktirafan pasaran dan memperoleh harga premium," katanya pada majlis pemeteraian MoU berkenaan di sini kelmarin.

Menurut Redzuan, ketika usaha mengkomersialkan khidmat ujian ketulenan dan membanteras penipuan dalam rantaian makanan, ia akan mengambil masa.

Namun, pihaknya optimis terhadap kajian di lapangan itu mampu diselesaikan dalam tempoh ini juga.

"Buat masa ini, kami akan

memfokuskan kepada ujian ketulenan makanan berasaskan haiwan kerana ia merupakan bidang kepakaran kami.

"Pada masa sama, kami mengharapkan sokongan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia kerana kami adalah satu-satunya badan koperasi tempatan yang sedang membangunkan pensijilan seperti ini," ujarnya.